

Kajian Teori Transportasi ke Atas Pembacaan Novel dalam Kalangan Remaja.

Fatimah Haji Saidin (fatimahhs73@gmail.com)

Prof. Madya Dr. Jamilah Haji Ahmad (jahmad@usm.my)

**Pusat Pengajian Komunikasi
Universiti Sains Malaysia**

11 800 Pulau Pinang

Tel : 04-653 3603

Fax : 04-657 7736

Teori Transportasi adalah perasaan kenikmatan yang menyumbang kepada keseronokan melalui media. Teori ini menerangkan mengenai kesan pemujukan dari penceritaan fiksyen dan bukan fiksyen dalam penulisan, percakapan dan sebarang format audio. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji mengenai pengalaman transportasi yang dialami oleh para pembaca novel dalam kalangan remaja dan melihat sejauh mana kesan transportasi ini memberi kesan terhadap perubahan diri remaja. Data dikumpul menggunakan kaedah kualitatif separa berstruktur melalui temu bual secara mendalam. Sampel yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 10 orang remaja yang merupakan peminat novel tegar dan menganggotai kelab-kelab peminat novel. Kajian ini dianalisis menggunakan kaedah tematik Collaizzi (1978). Hasil kajian mendapati kesan akibat pembacaan novel adalah sebagaimana yang diterangkan dalam Teori Transportasi Green dan Brock (2002) iaitu teori ini terpakai kepada majoriti pembaca novel dalam kalangan remaja di Malaysia, tetapi perbezaannya adalah dari segi tahap kesan terhadap peserta.

Kata Kunci: Novel, Teori Transportasi, Remaja, Kaedah Kualitatif, Analisis Tematik Collaizzi.

Transportation theory is defined as action that indulges into a story which contributes to excitement gain through media. This theory explains the effects of narrative persuasion in fiction and non-fiction writing, conversation and any form of audio format. The purpose of this study is to investigate youth transportation reading experience and also to examine the effects of transportation towards development of youth. Data was collected using qualitative methods through semi structured in-depth interview. The samples consist of ten novel avid readers who are also members of novel fan club. Data was then analysed using Collaizzi (1978) thematic analysis. The findings of this study support Green and Brock (2002) Transportation Theory assumptions that this theory applied to majority of young novel readers in Malaysia, however the discrepancies are from the level of effect toward participant.

Keywords: Novel, Transportation Theory, Qualitative Methodology, Collaizzi Thematic Analysis.

Pengenalan

Kebanjiran novel-novel popular bertema ringan di pasaran merupakan satu fenomena baharu dalam dunia penerbitan di Malaysia. Fenomena ini berlaku sebagai kesan dari kegilaan para peminat novel melayani kisah-kisah kehidupan bertema kasih sayang dan kekeluargaan yang bersifat romantis dan diselitkan unsur-unsur humor dan mencuit hati. Tema yang tidak serius ini begitu mendapat sambutan sehingga sebilangan besar tajuk novel popular ini diangkat menjadi drama bersiri dan filem. Sebagaimana fenomena lain yang berlaku di Malaysia, fenomena ini juga menimbulkan beberapa isu yang sering dibincangkan oleh pelbagai pihak, samada yang terbabit secara langsung seperti penulis, syarikat penerbitan dan karyawan filem, maupun pihak yang tidak terbabit secara langsung seperti para ilmuan dan sarjana.

Utusan Malaysia bertarikh 13 Januari, 2013 melaporkan bahawa novel bergenre ringan dan bertema cinta ini mencatat jualan yang sangat tinggi dalam pasaran. Karya penulis tersohor, Damya Hanna dicatatkan telah diulang cetak sebanyak 18 kali dengan jumlah cetakan terkumpul sebanyak 500 ribu naskah, karya Fauziah Syaari yang pernah difilemkan, Ombak Rindu dicetak sebanyak 500 ribu naskah dan penulis Ain Maisarah yang menulis hingga 33 buah novel berjaya mencatat jualan sehingga 200 hingga 300 ribu naskah bagi setiap judul novelnya. Angka-angka ini merupakan bukti bahawa penerbitan bahan ringan seperti ini mendapat sambutan yang besar di Malaysia.

Statistik dari Perpustakaan Negara Malaysia pula mencatatkan bahawa sebanyak 1243 judul novel berbahasa Melayu telah diterbitkan dalam negara Malaysia dari tahun 2001 hingga 2005 (5 tahun), dengan 185 darinya adalah judul novel remaja dan 425 lagi adalah novel dewasa. Jumlah ini semakin meningkat sejak akhir-akhir ini apabila novel dipopularkan lagi melalui adaptasi ke bentuk drama dan filem. Keadaan ini menimbulkan tanda tanya. Adakah penghasilan produk yang bersifat mega seperti ini tidak langsung memberi sebarang impak ke atas pengguna yang disasarkannya?

Kegilaan para pembaca, terutamanya dalam kalangan remaja melayani penceritaan novel banyak dikaitkan dengan teori-teori komunikasi yang melibatkan kesan penggunaan media. Kajian-kajian terdahulu mengenai kesan pembacaan novel sememangnya banyak dan mengaplikasi pelbagai teori seperti Transportasi, *Uses and Gratification*, *Cultivation*, *Absorption*, *Enjoyment*, *Parasocial* dan lain-lain. Sebilangan besar kajian menggunakan kaum wanita dewasa sebagai responden dan novel bercorak romantis sebagai medium.

Kajian yang dijalankan oleh Radway (1981), Graaf dan Hustinx (2011), Bal dan Veltkamp (2013) banyak mengaitkan kegilaan membaca novel dengan teori-teori terkenal ini.

Kebanjiran novel bergenre ringan dan bertema cinta dalam pasaran sejak kebelakangan ini merupakan satu fenomena yang begitu signifikan. Fenomena ini menyebabkan berlakunya lambakan buku-buku novel bertema cinta yang bersifat ‘klise’ dalam pasaran. ‘Klide’ berlaku kerana tema yang dipaparkan terlalu kerap digunakan sehingga menjadi tidak menarik dan kehilangan kesan maksud sebenar yang ingin disampaikan kepada pembaca (Oxford Dictionary, 1988). Kebanyakan novel bertema klise ini memaparkan penceritaan yang ringan dan ada kalanya picisan.

Perkara yang menakjubkan ialah, penceritaan ringan ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan sehingga banyak dari tajuk novel-novel bergenre seperti ini telah diadaptasi kepada medium drama dan filem. Sambutan yang menggalakkan dari penonton drama adaptasi novel pula telah memberi peluang kepada karya-karya ini untuk dicetak semula sehingga ratusan ribu unit. Fenomena ini bukan sahaja melibatkan penerbitan dan percetakan, malah juga industri profileman. Fenomena ini memberi kesan yang begitu besar kepada satu industri (penerbitan) sehingga kesannya menjangkiti industri yang lain (profileman). Persoalanannya, adakah fenomena mega seperti ini tidak memberi kesan langsung kepada pengguna media yang telah didedahkan kepada medium-medium ini dengan kekerapan yang tinggi? Justeru, kajian yang dijalankan bertujuan melihat aspek kesan medium novel ini kepada pengguna, khasnya remaja yang ternyata begitu mudah terkesan dengan media-media hiburan.

Kajian terdahulu banyak menekankan kesan pembacaan ke atas remaja yang banyak dikaitkan dengan pembacaan berita yang bersifat sensasi (kebanyakannya berkaitan artis). Salah laku remaja kebanyakannya dikaitkan dengan perkara lain seperti penggunaan internet, pengaruh media elektronik, pengaruh kawan, disiplin sekolah dan latar belakang keluarga. Kelompok ini seolah-olah diasingkan dari dunia pembacaan naratif, sedangkan terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa novel mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan remaja. Persoalanannya, adakah remaja tidak langsung terkesan dengan fenomena kegilaan membaca novel ini? Melihat kepada pengaruh naratif dari media elektronik yang begitu besar terhadap remaja, pengkaji merasa terpanggil untuk melihat samada fenomena kegilaan membaca novel ini juga meninggalkan sebarang kesan ke atas remaja.

Penggunaan Teori Transportasi bukanlah perkara baharu dalam pengkajian medium naratif. Teori ini telah diaplifikasi dengan meluasnya dalam pelbagai bidang komunikasi yang

melibatkan kesan penceritaan ke atas pengguna media seperti bidang pengiklanan, komunikasi kesihatan, komunikasi politik dan media sosial. Kajian-kajian seperti yang dijalankan oleh Kaminski (2012), Graff dan Hustinx (2011), Bilandzic dan Busselle (2008), kebanyakannya melihat bagaimana penceritaan mempengaruhi kepercayaan individu seterusnya mengubah sikap mereka. Kebanyakan kajian yang telah dijalankan ini menjurus kepada usaha untuk melihat tahap kepercayaan, emosi dan empati yang terhasil selepas pembacaan novel, iaitu peserta kajian adalah pembaca novel sendiri.

Walaupun kajian telah membuktikan bahawa remaja sangat mudah terpengaruh dengan paparan media, sehingga kini tidak terdapat kajian yang melihat secara khusus tentang kesan Transportasi ke atas pembaca novel dalam kalangan remaja. Kebanyakan kajian mengaitkan remaja dengan kesan negatif akibat pengaruh rakan sebaya, media elektronik dan media baharu. Sekalipun remaja merupakan pelanggan utama novel-novel popular di pasaran, tidak ada satu kajian khusus yang melihat aspek kesan pembacaan ini kepada mereka.

Populasi dalam kalangan remaja dipilih untuk kajian transportasi ini kerana pada peringkat umur ini, personaliti mereka sedang berkembang. Menurut Mohamed Hatta (2003), Kebanyakan mereka mengalami gejala-gelaja seperti suka memberontak dan provokatif, suka memencilkan diri, perasaan tidak bermaya dan tidak aktif dan menyukai nilai-nilai baharu yang asing dari orang yang di luar zamannya. Selain itu, pengaruh media massa seperti media cetak ataupun elektronik dikatakan berpotensi mempengaruhi personaliti remaja (Arief Salleh dan Wardah, 2003:6). Pendapat ini disokong oleh Anwar Ridhwan (2013), melalui penulisan artikelnya dalam Berita Harian yang melihat kecenderungan remaja membaca bahan-bahan bacaan ringan seperti novel dan fiksyen sebagai satu kaedah baharu untuk melebarkan pengetahuan remaja supaya mampu berhadapan dengan cabaran masa kini.

Remaja dikatakan memiliki ciri-ciri personaliti yang sedang berkembang. Atas sebab ini, sikap mereka berbeza daripada orang dewasa. Kajian menunjukkan bahawa remaja mudah sekali mempelajari sesuatu melalui media, mempercayainya dan menjadikannya amalan dalam kehidupan. Oleh itu, pengkaji merasakan bahawa satu kajian perlu dilakukan untuk melihat samada novel yang dibaca oleh remaja dapat memberi sebarang kesan perubahan dari segi pengetahuan, pemahaman, persepsi dan perspektif pandangan pembaca terhadap pelbagai isu untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian hasil daripada penggunaan media khususnya pembacaan novel.

Kajian ini mempunyai beberapa ciri kepentingan yang tidak boleh dinafikan dalam perkembangan ilmu pengetahuan dan kegunaan kepada masyarakat. Ciri-ciri ini merupakan faktor yang menyokong keperluan kajian ini dijalankan. Teori Transportasi, seperti yang diterangkan oleh Green dan Brock (2002) mempunyai kesan Transportasi yang dapat dipecahkan kepada dua peringkat. Kajian-kajian sebelum ini hanya mengkaji sebahagian kesan sahaja dan meninggalkan sebahagian yang lain. Sebahagian kajian melihat sejauh mana kesan transportasi mempengaruhi aspek emosi sehingga menyebabkan akses kepada dunia realiti terjejas (Green & Brock, 2002; Bal & Veltkamp, 2013; Graff & Hustinx, 2011). Sebahagian kajian pula melihat bagaimana kesan transportasi mempengaruhi kepercayaan pembaca sehingga diaplikasikan dalam dunia realiti (Bilandzic & Busselle, 2008; Kaminski, 2012; Murphy *et. al.*, 2013).

Untuk kajian ini, kedua-dua aspek yang dilihat secara berasingan pada kajian yang lalu, akan dikombinasi dan dilihat kesannya sekaligus. Ini lebih bertepatan dengan teori yang menerangkan bahawa kedua-dua kesan ini berlaku dalam Transportasi. Kesan Transportasi akan dilihat dalam peringkat pertama; iaitu emosi yang menyebabkan pembaca berada di luar kesedaran dan kehilangan akses kepada alam realiti. Pengkaji akan melihat samada berlaku kesan Transportasi peringkat kedua iaitu; samada perubahan sikap berlaku kepada pembaca atau tidak. Kesimpulannya, kajian ini menghubungkan kedua-dua implikasi yang diakibatkan oleh kesan transportasi yang berlaku akibat pembacaan novel dan tidak mengasingkannya seperti kajian sebelum ini.

Kajian ini penting sebagai sumber maklumat kepada pegawai-pegawai kaunseling yang berkepakanan dalam kaunseling remaja, badan-badan NGO yang bertugas menguruskan kumpulan-kumpulan remaja dan para ibu bapa, untuk melihat kepada pengaruh baharu dalam gaya hidup remaja dewasa kini. Dengan mendapat maklumat awal mengenai pengaruh-pengaruh baharu ini, pelan-pelan tindakan yang bersesuaian dapat disediakan untuk menangani masalah-masalah remaja.

Pembacaan novel tidak pernah dianggap sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pembinaan personaliti remaja kerana tiada kajian khusus dijalankan untuk melihat kesannya ke atas remaja. Permasalahan remaja seringkali dikaitkan dengan faktor-faktor lain. Karyawan dan novelis menghasilkan berbagai-bagai genre novel, filem dan drama adaptasi novel tanpa mengambilkira faktor pembangunan diri remaja. Sekiranya kajian ini berjaya membuktikan bahawa novel mampu meninggalkan kesan kepada remaja, para karyawan dan novelis akan lebih berhati-hati dalam menerbitkan karya-karya mereka.

Objektif Kajian

Secara umumnya, matlamat kajian ini adalah untuk melihat kemampuan novel sebagai ejen komunikasi. Dalam kajian ini, definisi operasional novel sebagai ejen komunikasi meliputi aspek novel sebagai media penyampai maklumat pilihan remaja, kesan transportasi berlaku kepada pembaca dalam kalangan remaja dan kesan transportasi memberi perubahan pada diri remaja. Di samping itu, tujuan kajian ini juga adalah untuk melihat persamaan atau perbezaan dalam proses transportasi yang dialami oleh remaja semasa membaca novel, berbanding dengan proses yang diterangkan dalam Teori Transportasi yang diperkenalkan oleh Green dan Brock (2002). Oleh yang demikian, untuk mencapai matlamat kajian ini, tiga objektif khusus disediakan, yang mana kesemuanya bertujuan melihat sejauh mana novel memberi kesan kepada pembaca. Objektf-objektif tersebut ialah:

1. Melihat kemampuan novel sebagai medium penyampai mesej dari penulis kepada pembaca dalam kalangan remaja.
2. Melihat samada proses transportasi untuk pembacaan novel benar-benar mengikut sepertimana proses yang diterangkan dalam Teori Transportasi, apabila diaplifikasi kepada pembaca remaja.
3. Melihat sebarang perubahan yang berlaku kepada remaja, sebagai kesan dari transportasi yang berlaku selepas pembacaan novel.

Sorotan Literatur

Maksud novel menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka adalah cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks, yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Sementara, maksud naratif mengikut Kamus Persuratan Melayu pula adalah cerita tentang peristiwa, pengalaman dan lain-lain yang merupakan hasil daripada prestasi linguistik. Naratif juga dikaitkan dengan penceritaan yang mengikut turutan dan kronologi (Teguh Puja, 2012). Kedua-dua perkataan ini mempunyai perkaitan di antara satu sama lain iaitu, novel merupakan satu himpunan naratif yang diolah menghasilkan satu cerita.

Menurut Shahnon (1989), novel boleh menarik pembaca untuk menilai masyarakat secara langsung dan tidak langsung. Penilaian pembaca boleh berlaku melalui kritikan-kritikan sosial, tindak tanduk dan gerak laku manusia dalam sesuatu situasi, dalam adegan

jenaka, simbolik atau satira dan sebagainya. Menurut Shahnon lagi, melalui aspek kehibaan, kerinduan dan kerawanan hati ataupun kegundah gulanaan, novel juga berupaya menggerakkan kita kepada aras-aras rasa simpati yang kadang-kadang amat halus. Selain itu, novel juga mampu membebaskan manusia ke dalam alam khayalan, melangkaui lapisan hidup di luar dugaan melewati babak-babak impian dan fantasi. Penerangan Shahnon ini mendekati konsep Teori Transportasi mengenai kesan pembacaan penceritaan sesebuah novel.

Kaminski (2012) menggunakan Teori Transportasi (Green & Brock, 2002) untuk menerangkan kesan pemujukan dalam penceritaan. Kajian ini melihat kepada kesan paparan berlebihan mengenai watak utama dalam novel yang begitu mementingkan penampilan diri dan kecantikan. Kesan ini dilihat terhadap perubahan kepercayaan pembaca mengenai bentuk tubuh, daya tarikan seksual, kerisauan mengenai berat badan dan keadaan fizikal, selepas mereka membaca cerita yang menggambarkan watak utama yang begitu sempurna sifatnya. Kajian ini mendapati bahawa kesan penceritaan novel terhadap pembaca, berlaku dalam aspek kerisauan mengenai imej tubuh badan (*body image*) mereka. Kesimpulan dalam kajian ini ialah, kesan transportasi yang berlaku dalam pembacaan novel, sama seperti kesan yang berlaku selepas pengguna menyaksikan watak utama yang memiliki ciri-ciri penampilan diri yang hebat seperti yang ditayangkan dalam televisyen, majalah dan filem.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Bal & Veltkamp (2013) yang mengkaji bagaimana pembacaan fiksyen mempengaruhi empati pembaca, dua eksperimen dijalankan iaitu melalui kajian empirikal sebenar mengenai pengalaman pembacaan bahan kesusteraan, didapati bahawa empati telah mempengaruhi pembaca dalam tempoh satu minggu, tetapi perasaan ini hanya mempengaruhi apabila berlakunya transportasi dalam pembacaan mereka. Sekiranya proses transportasi tidak berlaku, mereka didapati kurang mempunyai perasaan empati. Kajian ini menunjukkan bahawa tidak semua pembaca novel mengalami transportasi semasa pembacaan novel dilakukan.

Appel & Richter (2010) menjalankan kajian mengenai kesan tranportasi akibat pemujukan penceritaan. Kajian ini mendapati bahawa kesan transportasi adalah berbeza mengikut individu. Sebahagian individu lebih mudah terkesan dengan penceritaan berbanding individu lain, bergantung kepada kecenderungan mendekati emosi (*needs for affect*) yang telah sedia berada dalam dirinya. Kajian ini menjelaskan dua perantaraan yang berpotensi bagi kesan ini, iaitu keperluan mendekati emosi (*needs of effect*) sebagai kecenderungan personaliti yang utama dan isi kandungan emosi (*emotional contents*)

sebagai karektor penceritaan yang utama. Ini bersesuaian dengan pendapat Tellegen & Atkinson (1974) yang menyatakan bahawa terdapat individu yang lebih cenderung untuk tenggelam dalam sesuatu aktiviti, dan juga pendapat Shehan (1967) bahawa terdapat sebilangan manusia yang lebih cenderung untuk membentuk imej minda (Tellegen, Atkinson dan Sheehan, dalam Green (2006). Perbezaan individu ini tidak menolak Teori Transportasi kerana pernyataan sarjana-sarjana ini telah diperakui sendiri oleh Green (2006).

Kajian yang dijalankan oleh Murphy *et. al* (2013) lebih menjurus kepada komunikasi kesihatan. Dalam kajian ini, pengkaji melihat perbezaan kesan antara paparan media tidak berunsur penceritaan dan paparan media berunsur penceritaan yang memaparkan maklumat mengenai penyakit kanser kepada wanita Amerika berketurunan Eropah, Mexico dan Afrika. Dalam kajian ini, kaedah eksperimental telah digunakan di mana pengkaji menyediakan filem cereka pendek selama 11 minit yang menceritakan mengenai sebuah keluarga. Dalam cerita ini, salah satu watak menyatakan yang dia didapati positif *Human Papillomavirus Infection* (HPV) selepas menjalani ujian *Pap Smear*, iaitu satu keadaan yang boleh menyebabkan kanser sekiranya tidak diperiksa. Keluarga mereka yang selama ini tidak pernah mengambil tahu tentang ujian *Pap Smear* ini kemudiannya mula mengambil tahu tentang penyakit ini. Penceritaan ini berlawanan dengan dokumentari bukan fiksyen bukan naratif yang menggunakan pendekatan diduktif tradisional bertajuk *It's time* yang menunjukkan seorang doktor berbincang mengenai kanser serviks dengan pesakitnya. Kajian ini mendapati bahawa kesedaran mengenai penyakit kanser lebih berkesan bagi paparan berunsur penceritaan berbanding paparan tidak berunsur penceritaan. Kajian mendapati aspek transportasi dalam penceritaan, kesesuaian karektor dan emosi memberi kesan paling kuat dalam menyampaikan kesedaran mengenai kanser dalam kalangan wanita Amerika.

Green dan Brock (2002) telah mendalami Teori Transportasi dengan mengadakan kajian mengenai keseronokan menggunakan media (*media enjoyment*). Indeks pengukuran transportasi telah digunakan dalam kajian ini dan didapati bahawa konsep keseronokan ini dapat difahami dengan lebih baik. Teori ini menerangkan bahawa keseronokan boleh diperolehi dengan tenggelam ke dalam penceritaan dan juga melalui kesan yang terhasil kemudiannya. Kesan-kesan yang terhasil kemudiannya adalah seperti keseronokan kerana mendapatkan faedah, keseronokan melalui transformasi, keseronokan melalui pemisahan diri (*escaping the selves*), dan keseronokan melalui hubungan dengan karektor. Kesan yang terhasil selepas pengalaman transportasi ini adalah perasaan hampir kepada watak dalam penceritaan dan juga perubahan diri yang berlaku.

Pengaruh Teori Transportasi terhadap simulasi mental dalam pengiklanan telah dijalankan oleh Escalas & Edson (2004). Dalam kajian ini, pengkaji melihat bagaimana kesan transportasi dalam simulasi mental akibat paparan iklan sesuatu jenama telah mengurangkan pemikiran kritikal dan bantahan (*argument*) dan membangkitkan perasaan positif mengenai jenama yang diiklankan. Kajian ini dilakukan dengan satu kepercayaan bahawa apabila seseorang itu melihat kepada sesuatu paparan naratif yang mereka suka, mereka akan mengalami kesan transportasi iaitu tenggelam dalam simulasi mental mereka sendiri dan membayangkan yang mereka adalah subjek yang berada dalam iklan berkenaan. Mereka membayangkan diri mereka menggunakan produk yang telah mereka lihat dalam paparan iklan berkenaan. Ini menunjukkan bahawa transportasi adalah kesan yang kuat yang dapat mempengaruhi emosi seseorang. Kesan transportasi ini bertindak kepada perasaan peserta kajian iaitu menimbulkan kesan kesukaan terhadap sesuatu dan menghilangkan pemikiran yang kritis.

Sebuah kajian yang menarik telah dijalankan oleh Murphy *et. al.* (2011) bagi mengenalpasti elemen manakah yang memberi kesan kepada penonton untuk membuat perubahan dari segi pengetahuan, sikap dan tingkah laku selepas menonton rancangan berunsur hiburan pendidikan ini. Tiga konstruk telah digunakan iaitu keterlibatan dengan watak tertentu dalam rancangan, keterlibatan dalam penceritaan mengikut penilaian transportasi Green & Brock (2002) ataupun reaksi emosi penonton terhadap penceritaan. Kajian ini menggunakan sebuah rancangan televisyen terkenal iaitu '*Desperate Housewives*' yang menceritakan mengenai watak Lynette Scavo yang telah didiagnos sebagai pesakit Non-Hodgkin's lymphoma dan menjalani kemoterapi. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa, dalam ketiga-tiga konstruk yang dikaji, keterlibatan dalam penceritaan (kesan transportasi) adalah yang paling banyak memberi sumbangan dalam menambahkan pengetahuan penonton.

Teori Transportasi


Teori Transportasi diperkenalkan oleh Melanie Green dan Timothy Brock pada tahun 2002. Teori ini dibina oleh Green dan Brock berdasarkan satu penerangan yang diperkenalkan oleh Richard Gerrig (1993) dalam penulisannya bertajuk '*Experiencing Narrative Worlds*' mengenai satu situasi yang berlaku dalam diri pembaca bahan berbentuk penceritaan. Gerrig mendefinisikan makna transportasi sebagai tenggelam dalam penceritaan, yang mana selepas melalui pengalaman itu, berlaku perubahan dalam persepsi pembaca terhadap sesuatu.

Transportasi adalah perasaan kenikmatan yang menyumbang kepada keseronokan menggunakan media (Green *et. al.*, 2004). Teori ini menerangkan mengenai kesan pemujukan dari penceritaan fiksyen dan bukan fiksyen dalam penulisan, percakapan dan sebarang format audio. Mengikut teori ini, apabila seseorang itu diserap atau dibawa (*transport*) ke dalam alam cerita, maklumat yang diperolehi dari cerita mungkin akan memberi kesan terhadap kepercayaan individu itu dalam dunia sebenar. Apabila melalui proses transportasi, seseorang itu akan menjadi terpukau dengan cerita, seluruh perhatian, bayangan dan perasaan akan termasuk ke dalam cerita yang sedang dibacanya. Apabila seluruh sistem kognitif pembaca digunakan untuk meneroka dunia penceritaan, pembaca akan kehilangan kesedaran mengenai apa yang berlaku dalam dunia realiti. Serapan minda secara keseluruhan ini akan menyebabkan pembaca kehilangan akses kepada apa yang sedang berlaku di dunia sebenar. Secara fizikal dan psikologi, pembaca akan percaya kepada dunia penceritaan, yang sebenarnya hanyalah rekaan penulis semata-mata.

Teori ini juga menyatakan, setelah pembaca habis membaca, dia seperti menghabiskan perjalanan di alam cerita dan akan kembali dengan sedikit perubahan dalam dirinya disebabkan pengalaman yang telah dilalui dalam perjalanan cerita itu. Teori ini mempercayai bahawa penceritaan yang dialami bukan sekadar memberi kesan jangka pendek kepada pembaca (seperti kesan emosi, empati), tetapi juga melibatkan kesan jangka panjang kepada pembaca iaitu perubahan persepsi dan tingkah laku, akibat kepercayaan terhadap bahan yang dibaca.

Dalam kajian ini, teori ini telah dipilih sebagai dasar utama kerana ia bersifat lebih menyeluruh berbanding teori-teori lain iaitu ia menerangkan secara menyeluruh mengenai pengalaman pembacaan bermula dari fasa sebelum, semasa dan selepas pembacaan. Penerangan mengikut fasa demi fasa ini sebenarnya sangat berkaitan dengan perkembangan individu sebelum pembacaan novel sehingga tamat pembacaan novel. Apabila kajian dikaitkan dengan perkembangan individu, sasaran populasi kajian yang paling bersesuaian adalah remaja. Ini adalah kerana, fasa umur remaja sangat sinonim dengan proses perkembangan diri yang pesat berbanding dengan fasa umur dewasa. Justeru, kesan naratif terhadap kelompok ini perlu diberi perhatian yang lebih serius berbanding orang dewasa.

Kerangka teori ini dihasilkan daripada penerangan mengenai Teori Transportasi yang diperkenalkan Green dan Brock (2002) yang merujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Gerrig (1993) dalam penulisan beliau bertajuk *Experiencing Narrative Worlds: On The Psychological Activities of Reading*.

Rajah 1: Menunjukkan kerangka Teori Transportasi yang digunakan dalam kajian ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan sepenuhnya kaedah kualitatif. Menurut Keyton (2006) dalam kaedah kualitatif, pengkaji menekankan suasana persekitaran komunikasi orang-orang yang terlibat dalam komunikasi, cara ini membenarkan pengkaji menerokai fenomena sosial harian dalam cara yang tidak dapat diungkapkan melalui kaedah kuantitatif.

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah temubual mendalam (*In Depth Interview*). Kaedah ini menepati pendekatan kajian secara *Phenomenology* yang menyatakan bahawa hasil daripada pendekatan ini adalah penerangan mendalam mengenai pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian (Daymon dan Holloway, 2011). Temubual yang akan dijalankan adalah temubual berstruktur separa (*semi-structured interview*), kerana kaedah ini lebih terbuka dan fleksibel. Dalam temubual berstruktur separa, soalan mengenai perkara yang akan dibualkan akan disediakan sebahagian sahaja. Soalan-soalan seterusnya akan muncul selepas temubual mula dilakukan (Daymon & Holloway, 2011). Sebahagian persoalan yang akan diajukan dalam temubual berstruktur adalah berpandukan kepada indeks pengukuran Teori Transportasi asal yang telah diperkenalkan oleh Green dan Brock (2002). Namun soalan ini akan diubahsuai supaya menepati kaedah temubual separa berstruktur yang akan digunakan.

Kaedah persampelan yang diaplikasi dalam kajian ini adalah kaedah persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) yang dinamakan Persampelan jaringan (*Network Sampling*). Sampel yang dicadangkan adalah 10 orang remaja yang memiliki ciri-ciri seperti

berumur sekitar 13 hingga 24 tahun, membaca lebih daripada 5 buah novel setahun, menganggotai kelab peminat novel atau mempunyai jaringan dengan penulis-penulis novel dan mudah dihubungi secara online.

Senarai novel yang dipilih oleh peserta kajian adalah terdiri dari novel-novel popular terkenal yang telah menduduki carta 20 Paling Laris di kedai buku Popular dan MPH pada tahun 2012 dan 2013 dalam kategori fiksyen. Novel-novel yang dipilih untuk kajian ini adalah seperti berikut :

| Tajuk Novel | Keluaran |
|-------------------------------|---------------------|
| <i>I Love You Mr Arrogant</i> | Karangkraf Sdn Bhd |
| Ria Qistina | Karangkraf Sdn Bhd |
| Andai Itu Takdirnya | Karangkraf Sdn Bhd |
| Adam & Hawa | Karangkraf Sdn Bhd |
| Maid | Karangkraf Sdn Bhd |
| Kembara Cinta Kahakea | Telaga Biru Sdn Bhd |

Hasil dapatan kajian ini dianalisis berpandukan kaedah *phenomenology* yang diperkenalkan oleh Colaizzi pada tahun 1978. Kaedah ini adalah kaedah *phenomenology* tradisi yang mana tiada interaksi antara analisis dengan data yang dikumpulkan, iaitu ayat temubual sebenar dan ayat yang akan digunakan untuk analisis tematik adalah ayat yang berbeza. Setiap ayat yang dicatatkan semasa sesi temu bual telah dianalisis satu persatu. Analisis yang dibuat bukan sahaja mengambil kira kenyataan yang dikeluarkan, malah juga intonasi dan ekspresi remaja yang ditemubual. Kemudiannya, satu nota ringkas dicatatkan di sisi kanan setiap ayat. Nota ini merupakan ayat berkenaan yang telah diterjemahkan dalam bentuk penceritaan pihak ketiga. Proses ini dinamakan menformulasi maksud. Formulasi maksud ini kemudiannya dikategorikan mengikut sub tema dan tema klaster yang sama. Selepas itu, daripada jadual tema yang dihasilkan, pengkaji akan mendapatkan tema timbul yang bersesuaian. Tema-tema yang terasing mengikut kumpulan ini kemudiannya digabungkan menjadi penerangan berbentuk karangan. Akhirnya, pengkaji akan berupaya menyediakan satu penerangan mengenai intipati fenomena kepada pembaca.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan mengenai keputusan analisis temubual mendalam yang telah dijalankan dengan menggunakan kaedah Analisis Colaizzi (1978). Perbincangan ini akan dimulai dengan penerangan mengenai maklumat demografi peserta kajian.
<http://jkob.cseap.edu.my/index.php/journal/full/2-5.pdf>

Seterusnya, perbincangan akan beralih kepada tema-tema klaster yang diperolehi selepas analisis dijalankan terhadap keputusan temubual. Perbincangan ini akan melihat tema-tema yang terhasil dari formula maksud dan membandingkannya dengan objektif-objektif kajian. Selain itu, keputusan yang diperolehi juga akan dibandingkan dengan hasil kajian-kajian terdahulu. Pada bahagian akhir, keputusan kajian akan melihat samada teori yang digunakan iaitu Teori Transportasi juga bertepatan dengan realiti penggunaan medium novel dalam kalangan remaja. Melalui perbincangan ini, diharapkan dapat mencapai objektif-objektif kajian sekaligus menjawab persoalan-persoalan kajian seperti; (1) Adakah setiap novel mempunyai mesej yang ingin disampaikan kepada pembaca, atau sebahagiannya hanya jalinan penceritaan ringan bagi tujuan komersial sahaja?; (2) Apakah proses transportasi semasa pembacaan novel perlu mengikut fasa seperti yang diterangkan dalam Teori Transportasi?; (3) Bagaimanakah caranya untuk mengenalpasti bahawa perubahan tingkah laku remaja yang terjadi selepas pembacaan novel adalah kesan dari Transportasi dan bukannya kesan dari faktor-faktor lain?.

Maklumat Demografi Peserta Kajian

Dalam temubual yang dijalankan, maklumat demografi yang diambil ialah mengenai jantina, umur dan bilangan novel yang pernah dibaca oleh peserta kajian. Selain itu, nama novel yang dirujuk dan kelab-kelab peminat novel yang dianggotai oleh peserta kajian juga ditanya dan dicatatkan sebagai rujukan.

Jadual 1: Maklumat peserta terperinci.

| NO. P | JANTINA | UMUR | BIL. NOVEL | TAJUK NOVEL |
|--------------|----------------|-------------|-------------------|------------------------|
| 1 | Perempuan | 16 | 50 | I Love You Mr Arrogant |
| 2 | Perempuan | 15 | 15 | I Love You Mr Arrogant |
| 3 | Lelaki | 22 | 54 | Ria Qistina |
| 4 | Perempuan | 19 | 100 | Andai Itu Takdirnya |
| 5 | Perempuan | 20 | 50 | Andai Itu Takdirnya |
| 6 | Perempuan | 24 | 100 | Andai Itu Takdirnya |
| 7 | Lelaki | 23 | 60 | Adam & Hawa |
| 8 | Perempuan | 19 | 50 | Maid |
| 9 | Perempuan | 15 | 30 | Kembara Cinta Kahakea |
| 10 | Perempuan | 18 | 70 | Adam & Hawa |

Jadual 2: Kekerapan peserta mengikut demografi.

| MAKLUMAT DEMOGRAFI | KEKERAPAN | (%) |
|---------------------------|------------------|------------|
| Jantina | | |
| Lelaki | 2 | 20 |
| Perempuan | 8 | 80 |
| Umur | | |
| Awal Remaja | 3 | 30 |
| Pertengahan Remaja | 4 | 40 |
| Akhir Remaja | 3 | 30 |

Dalam bahagian perbincangan ini, Peta Tematik Akhir dianalisis dan kemudiannya akan dibandingkan dengan objektif kajian bagi bahagian tersebut. Perbandingan ini bertujuan melihat samada dapatan kajian ini menepati atau tersasarkan dari objektif kajian.

Jadual 3: Peta tematik akhir.

| | | | |
|-------------------------------------|--|--|--|
| Kesan Transportasi semasa pembacaan | Kesan keseronokan (10) | Keinginan mengetahui penghujung cerita | Sangat teruja tahap sederhana Seiringan dengan pembacaan |
| | Kesan Transportasi (Tenggelam) dalam penceritaan | Tenggelam (9) | Sangat kusyuk sehingga hilang kesedaran |
| | | | Terbawa-bawa ke alam penceritaan |
| | Kesan Emosi /empati (K=10) | Tidak tenggelam (1) | Memberi perhatian penuh pada pembacaan |
| | | | Peka dengan suasana persekitaran/ keadaan sekeliling |
| | Kehilangan kesedaran dengan suasana sekeliling | Tidak sedar (7) | Tumpuan pembacaan jarang terganggu |
| | | | Tumpuan terganggu jika gangguan disengajakan |
| | Kebolehan menghayati perasaan watak | Sedar (3) | Tumpuan pembacaan jarang terganggu |
| | | | Tumpuan pembacaan mudah terganggu |
| | Mampu berimajinasi (8) | | Membayangkan diri sebagai watak dalam novel |

| | | | |
|-------------------------------------|--|---|--|
| | dalam novel | Gagal berimajinasi (2) | Tidak berkeinginan menjadi seperti watak dalam novel |
| | Penghayatan perasaan watak dalam novel | Kesemua peserta melalui pengalaman yang sama (10) | Penghayatan melibatkan perasaan |
| | | | Penghayatan terzahir sehingga mengubah ekspresi |
| esan Transportasi selepas pembacaan | Kesan Emosi | Kesan emosi berlaku (7) | Gangguan ingatan mengenai penceritaan novel dalam tempoh yang lama |
| | | | Tiada gangguan ingatan |
| | | Kesan emosi tidak berlaku (3) | Gangguan ingatan berlaku dalam tempoh yang lama |
| | Kesan keseronokan | | Gangguan ingatan berlaku dalam tempoh yang singkat |
| | | Tinggi (8) | Mengulang pembacaan novel |
| | | Kurang (2) | Tidak mengulang pembacaan novel |

Objektif: Melihat samada proses transportasi yang dialami oleh remaja semasa membaca novel, sama atau berbeza daripada proses yang diterangkan dalam teori transportasi.

Peta Tematik Akhir menunjukkan pendapat pro dan kontra mengenai kesan Transportasi yang berlaku semasa dan selepas pembacaan bahan berunsur naratif. Dalam analisis di atas, didapati bahawa kesemua lapan tema klaster yang dibincangkan mendapat maklum balas pro dan kontra dari peserta. Secara umumnya, tema-tema yang telah diubahsuai menjadi soalan separa berstruktur ini mendapat sokongan padu dari majoriti peserta kajian, namun terdapat sedikit pendapat kontra yang bersifat minoriti. Dari peta di atas, jelas bahawa kesan keseronokan dan empati yang merupakan kesan emosi mengikut teori Transportasi mendapat sokongan sepenuhnya dari semua peserta kajian. Ini menunjukkan bahawa, kesan emosi telah dirasai oleh kesemua peserta dalam pengalaman pembacaan mereka.

Kesan Transportasi yang melibatkan kognitif seperti kesan tenggelam dalam pembacaan, kehilangan kesedaran dan kebolehan membayangkan penceritaan dalam novel, menunjukkan keputusan yang pelbagai dan tidak menunjukkan ritma yang sejajar. Peserta yang mengalami kesan emosi selepas pembacaan novel, ada yang mengalami gangguan ingatan yang lama dan ada juga yang langsung tidak mengalami gangguan ingatan.

Sebaliknya peserta kajian yang tidak mengalami kesan emosi, ada yang mengalami gangguan ingatan dalam tempoh yang lama dan ada juga yang mengalami gangguan ingatan dalam tempoh yang singkat. Kebanyakan peserta yang mengalami tenggelam dalam pembacaan novel juga mengalami kehilangan kesedaran, namun terdapat juga segelintir peserta yang tenggelam dalam pembacaan novel tetapi tidak berlaku kehilangan kesedaran. Kesimpulannya, keputusan yang melibatkan minda dan kognitif kelihatan begitu bercampur baur dan tidak bersangkutan antara satu sama lain.

Jika dilihat dapatan kajian secara kolektif berdasarkan setiap item, kesan transportasi ini berlaku kepada kebanyakan pembaca dalam kalangan remaja dengan cara yang sama seperti yang dinyatakan oleh Gerrig (1993), iaitu majoriti peserta merasai kesan tenggelam, hilang kesedaran, penghayatan, gangguan ingatan. Mereka juga mengalami kesan selepas pembacaan seperti kepercayaan, perubahan persepsi dan sikap. Malahan kesan yang berlaku juga mengikut kronologi pengalaman membaca seperti yang dinyatakan oleh Gerrig (1993). Kebanyakan individu yang membaca novel akan mengalami transportasi mengikut kronologi yang diceritakan oleh Gerrig (1993) namun masih terdapat sebilangan kecil individu yang hanya terkesan kepada transportasi ini secara tidak sepenuhnya. Individu ini kemungkinan memiliki kemampuan kognitif dan emosi yang berbeza berbanding individu lain.

Melihat kepada bilangan pendapat majoriti yang jauh lebih tinggi berbanding pendapat minoriti, kesimpulan boleh diambil iaitu kesan transportasi yang berlaku kepada pembaca dalam kalangan dewasa juga berlaku kepada pembaca dalam kalangan remaja. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir remaja yang tidak dipengaruhi oleh kesan transportasi pada tema-tema tertentu. Ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain dalam perkembangan diri remaja yang berbeza dengan orang dewasa seperti keupayaan kognitifnya atau apa yang diistilahkan sebagai kecenderungan mendekati emosi (*needs for affect*) yang telah sedia berada dalam dirinya (Appel & Ritcher, 2010).

Jadual 4: Peta tematik akhir.

| | | | |
|--------------------------------------|------------------------|---|--|
| Kesan Transportasi selepas pembacaan | Perubahan kepercayaan | Kesemua peserta melalui pengalaman yang sama (10) | Cerita memang berlaku di alam realiti |
| | | | Cerita berkemungkinan berlaku / boleh beraku di alam realiti |
| | | | Cerita bercampur antara realiti dan imaginasi penulis. |
| | Perubahan persepsi | Tanggapan berubah (6) | Berubah ke arah negatif |
| | | Tanggapan tidak berubah (4) | Berubah ke arah positif |
| | Perubahan tingkah laku | Tingkah laku berubah (6) | Tiada sebarang perubahan |
| | | | Maklumat / input bertambah |
| | | Tingkah laku tidak berubah (4) | Peningkatan kemahiran interpersonal |
| | | | Perubahan jati diri |

Objektif: Melihat sebarang perubahan yang berlaku kepada remaja, sebagai kesan dari transportasi yang berlaku selepas pembacaan.

Peta Tematik bagi objektif seterusnya menerangkan mengenai kesan perubahan diri peserta kajian selepas melalui pengalaman membaca novel. Analisis mendapati bahawa ketiga-tiga elemen perubahan diri ini memang berlaku kepada majoriti peserta kajian, namun peta analisis menunjukkan bahawa masih terdapat sebilangan kecil yang tidak mengalami kesan transportasi atau hanya mengalami sebahagian kesan transportasi sahaja. Hanya kesan transportasi perubahan kepercayaan sahaja yang telah mempengaruhi semua peserta (100%). Mereka memberi pendapat bahawa penceritaan novel mempunyai unsur-unsur pengalaman sebenar penulis atau pihak lain dan digabung jalin dengan imaginasi penulis. Walaupun kesan kepercayaan dipengaruhi, tidak semua peserta kajian mengalami perubahan tanggapan akibat dipengaruhi penceritaan novel, malah hampir separuh dari peserta tidak mengalami perubahan tingkahlaku.

Daripada perkiraan bilangan pendapat pro dan kontra, sebanyak 73% pendapat menyokong perubahan diri selepas pembacaan novel sementara 27% pendapat lagi

menyatakan tidak mengalami sebarang perubahan selepas membaca novel. Perbezaan pada kedua-dua bacaan ini adalah besar iaitu kenyataan sokongan adalah melebihi separuh bilangan kenyataan yang tidak menyokong. Majoriti peserta mengalami kesan transportasi perubahan diri seperti yang telah dinyatakan oleh Gerrig (1993), namun masih terdapat sebilangan kecil peserta yang tidak mengalami perubahan diri.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Gerrig (1993), perubahan yang berlaku selepas pembacaan tidak semata-mata merangkumi aspek kepercayaan, persepsi dan tingkah laku sahaja. Sebaliknya beliau mendefinisikannya sebagai sebarang jenis perubahan secara umum. Oleh itu, apa-apa sahaja jenis perubahan yang berlaku, adalah merupakan kesan transportasi. Perubahan itu tidak semestinya mencakupi semua aspek kerana remaja mengikut pendapat ramai sarjana (Noraini, 2000 : Mohd Hatta, 2003 : Khairunnaja, 2005) mempunyai pembawaan sikap yang berbeza-beza. Oleh itu, perubahan pada sebahagian aspek sahaja, selagi mana merupakan kesan dari pembacaan naratif, juga dikira sebagai kesan dari transportasi selepas pembacaan.

Jika dilihat melalui pendapat secara individu, didapati bahawa kebanyakan pendapat yang kelihatan bercanggah dengan kenyataan majoriti telah dikeluarkan oleh peserta lelaki yang diklasifikasikan dalam kategori akhir remaja. Mereka telah membaca novel-novel yang begitu banyak dan sebahagiannya adalah karya-karya sastera yang mengutamakan pemikiran, ideologi dan kemasyarakatan. Sementara peserta dalam kalangan wanita pula lebih menyukai cerita-cerita bertema cinta dan kekeluargaan. Kemungkinan besar faktor pemilihan bahan bacaanlah yang paling banyak mempengaruhi kesan selepas pembacaan. Namun dalam kajian ini, faktor ini tidak dikaji.

Selain dari itu, terdapat juga sebilangan kecil remaja wanita yang corak pembacaannya berbeza dari keseluruhan peserta wanita yang lain. Mereka menegaskan bahawa mereka tidak berminat untuk membaca semula cerita yang telah dibaca kerana telah mengetahui pengakhiran cerita. Jelas di sini bahawa, kedua-dua mereka mempunyai gaya yang sama dalam pembacaan iaitu berorientasikan matlamat untuk mengetahui jalan cerita sahaja. Keadaan ini pasti sekali akan menyebabkan berlaku perubahan pada pendapat mereka. Namun, kajian ini tidak melihat aspek latar belakang remaja dan perkaitannya dengan kesan transportasi.

Melalui dapatan secara kolektif dan melihat kepada pendapat majoriti, dapatlah disimpulkan bahawa pendapat-pendapat ini menyokong penerangan dalam teori transportasi. Bacaan novel ini dilihat mendorong kesan perubahan diri kepada peserta

dalam aspek jati diri, kemahiran komunikasi interpersonal, kemahiran dalam aspek bakat penulisan dan peningkatan pengetahuan.

Daripada perbincangan ketiga-tiga objektif di atas yang telah dibandingkan dengan dapatan kajian dan telah dianalisis menggunakan kaedah Colaizzi (1978), pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian telah mencapai objektif yang telah disediakan dalam usaha mendapatkan maklumat samada novel berkemampuan untuk menjadi ejen komunikasi kepada remaja.

Kesimpulan

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bagaimana pembacaan novel memberi kesan kepada pembaca dalam kalangan remaja. Sangkaan bahawa perkembangan diri remaja yang selama ini tiada kaitannya dengan medium hiburan berbentuk naratif, kini telah terbukti tersasar. Fenomena kebanjiran bahan-bahan berunsur ringan ini perlu diberi perhatian serius oleh pihak berwajib kerana ia memberi kesan dalam pembinaan jatidiri dan interpersonal remaja secara perlahan dan pasif. Kesan dalam aspek positif akan berlaku kepada pembaca sekiranya mereka memilih bahan bacaan fiksyen yang berkualiti dan membina, sementara kesan negatif juga akan berlaku sekiranya remaja memilih bahan berbentuk picisan dan tidak berkualiti.

Kenyataan peserta kajian bahawa mereka mempercayai penceritaan novel adalah benar dan terjadi dalam alam realiti adalah sesuatu dapatan yang menakutkan. Ketakutan seorang peserta kajian untuk memasuki gerbang perkahwinan adalah bukti yang jelas bahawa kesan kepercayaan telah menguasai segenap pemikiran remaja ini. Selain itu, kepercayaan peserta kajian bahawa lelaki tidak boleh dipercayai setelah terpengaruh dengan penceritaan novel adalah satu perkembangan yang negatif. Adakah sebegitu mudah golongan remaja mempercayai sesuatu maklumat yang mereka perolehi, sehingga mempercayai bulat-bulat maklumat dari bahan berbentuk fiksyen? Remaja seakan-akan hilang rasional dalam tanggapan dan keputusan akibat terpengaruh dengan penceritaan ini yang sebenarnya hanyalah kes terpencil yang tidak memaparkan gambaran sebenar masyarakat, atau lebih teruk lagi, hanyalah imaginasi penulis semata-mata.

Satu kajian khas perlu dilakukan dalam aspek kepercayaan ini bagi mendapat maklumat yang lebih jelas. Sekiranya fakta ini benar, pihak berwajib seperti Kementerian Dalam Negeri harus memantau penerbitan bahan-bahan berbentuk naratif yang berada dalam pasaran selain memastikan yang karyawan-karyawan diberi garispanduan untuk <http://jkob.cseap.edu.my/index.php/journal/full/2-5.pdf>

menghasilkan karya-karya fiksyen yang lebih berkualiti dan membina masyarakat terutamanya kalangan remaja. Walaupun fenomena kebanjiran novel ringan bukanlah satu isu negara, kajian demi kajian tetap perlu dilakukan bagi mengkaji kesan naratif ke atas penduduk Malaysia kerana ia memberi kesan yang perlahan tetapi bersifat kekal, seperti pembinaan jati diri dan peningkatan pengetahuan.

Membandingkan teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu Teori Transportasi yang diperkenalkan oleh Green dan Brock (2002) dengan dapatan kajian yang telah dianalisis, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa Teori Transportasi ini terpakai kepada majoriti pembaca dalam kalangan remaja juga. Perbezaannya adalah dari segi perbezaan tahap kesan terhadap peserta yang berbeza di antara satu sama lain. Ada peserta yang mengalami kesan transportasi yang teruk dan ada pula yang mengalami kesan transportasi pada tahap biasa. Ini dapat dilihat dari tema kehilangan kesedaran dan tenggelam yang berbeza. Namun begitu, bahagian tema transportasi keseronokan, empati dan emosi mendapat sokongan penuh dari peserta. Ini menunjukkan fasa yang diceritakan dalam proses transportasi berlaku kepada semua peserta kajian pada tahap yang berbeza.

Beberapa kajian sebelum ini yang menggunakan Teori Transportasi melihat secara spesifik kepada kesan selepas pembacaan, sedangkan teori ini adalah satu teori yang panjang menceritakan tentang proses perubahan sebelum dan selepas pembacaan dan juga keadaan-keadaan yang berlaku semasa pembacaan. Penggunaan teori ini secara berpisah seperti beberapa kajian terdahulu sebenarnya tidak menggunakan penjelasan teori secara maksimum. Sebagai contoh, Teori Transportasi yang telah digunakan untuk melihat kesan selepas pembacaan terhadap kerisauan penampilan diri (Kaminski, 2012), perubahan emosi, (Bal & Veltkamp, 2013) dan komunikasi kesihatan (Murphy *et. al*, 2013) dilihat lebih menjurus kepada perubahan selepas pembacaan.

Penggunaan teori Transportasi bagi melihat kesan tingkah laku seperti ini saling tidak tumpah seperti menggunakan Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1977) yang juga melihat kepada kesan selepas penggunaan media terhadap perubahan tingkah laku. Oleh itu, dalam kajian ini, teori ini telah digunakan untuk melihat keseluruhan proses yang diterangkan dalam Teori Transportasi terhadap remaja dari segi perubahan sebelum dan selepas serta proses yang dialami semasa pembacaan. Walaupun kesan ini tidak jelas sepertimana kesan-kesan dari media hiburan lain seperti televisyen, video, permainan video dan media-media baharu, ia sebenarnya banyak mengubah aspek dalaman diri individu secara pasif dan perlahan.

Kesan novel adalah sebenarnya satu isu yang besar yang tidak wajar dipandang remeh. Hasil kajian membuktikan, interaksi antara pengkaji dan peserta dalam kalangan remaja menunjukkan majoriti responden mempunyai ketajaman pemikiran, gaya percakapan, interaksi sosial, pemahaman sosial dan kemasyarakatan yang jauh lebih tinggi dari kalangan rakan sebaya mereka. Mereka berfikiran seperti orang dewasa, berpandangan jauh dan bertindak dengan begitu matang dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kematangan yang ditunjukkan ini berpuncak daripada sogokan bahan bacaan seperti novel dari kalangan penulis kesusastraan yang berpemikiran kritis dan jauh sekaligus membuktikan novel juga mampu berperanan sebagai ejen komunikasi dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat khususnya remaja. Diharapkan, terdapat kajian susulan yang akan dilakukan menggunakan kaedah kuantitatif untuk membolehkan pengambilan sampel yang lebih ramai kelak.

Biodata

Fatimah Haji Saidin adalah pelajar Sarjana Sastera Komunikasi di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia.

Jamilah Haji Ahmad adalah Profesor Madya merangkap Dekan di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia. Bidang penyelidikan dan penerbitan beliau meliputi perhubungan awam, tanggungjawab sosial korporat, hubungan masyarakat dan komunikasi, komunikasi korporat, komunikasi dan pengajaran media, komunikasi alam sekitar, e-pembelajaran, dan media baru.

Penulis ini boleh dihubungi di alamat emel berikut: fatimahhs73@gmail.com dan jahmad@usm.my.

Rujukan

Anwar, R.(2013). *Novel terapi jiwa remaja*. Diakses dari <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Novelterapijiwaremaja/Article/>

Appel, M.& Richter, T. (2010). Transportation and need for affect in narrative persuasion: A mediated moderation model. *Journal of Media Psychology*, 13(2), 101-135.

Arief Salleh, R.& Wardah, M. (2003). *Membentuk jati diri remaja*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
<http://jkob.cseap.edu.my/index.php/journal/full/2-5.pdf>

- Bal, P. M. & Veltkamp M. (2013). How does fiction reading influence empathy? An experimental investigation on the role of emotional transportation. *Open Access Article, 8(1)*.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological review, 84*(2), 191.
- Bilandzic, H. & Busselle, R. W. (2008). Transportation and transportability in the cultivation of genre-consistent attitudes and estimates. *Journal of Communication, 58*(3), 508-529.
- Daymon, C. & Holloway, I. (2011), *Qualitative research methods in public relations and marketing communications (2nd Edition)*. New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Escalas & Edson, J. (2004). Imagine yourself in the product. *Journal of Advertising, 133*(2), 37 – 48.
- Gerrig, R. (1993). *Experiencing narrative worlds: On the psychological activities of reading*. New Haven: Yale University Press.
- Green, M. C. & Brock T. C. (2000). The role of transportation in the persuasiveness of public narratives. *Journal of Personality and Psychology, 79*(5), 701-721.
- Green, M. C., Brock, T. C., & Kaufman, G. F. (2004). Understanding media enjoyment: The role of transportation into persuasive worlds. *Communication Theory, 14*(4), 311-327.
- Green, M. C. (2004). Transportation into narrative worlds: The role of prior knowledge and perceived realism. *Discourse Processes, 38*(2), 247-266.
- Graff, A. D. & Hustinx, L. (2011). The effect of story structure on emotion, transportation and persuasion. *Information Design Journal, 19*(2), 142-154.
- Kaminski, M. J. (2012). Does this book make me look fat? The effect of protagonist body esteem and body weight in novel on female readers' body esteem. *Master Thesis, Virginia Polytechnic Institute and State University*.
- Keyton, J. (2006). *Communication research: Asking question and finding answers*. New York: Mc Graw Hill Higher Education.
- Khairunnaja, N. (2005). *Memahami dan membimbing remaja nakal*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohamed Hatta, S. (2003). *Psikologi & kaunseling remaja: Panduan remaja membimbing diri sendiri*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Murphy, S. T., Frank, L. B., Chatterjee, J. S., & Garbanati, L. B. (2013). Narrative versus nonnarrative: The role of identification, transportation and emotion in reducing health disparities. *Journal of Communication, 63*, 116-137.
- Noraini, A. (2002). *Kaunseling remaja*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Puja, T. (2012). Culture therapy. Diakses dari <http://www.wholesketch.wordpress.com>.

Radway, J. (1981). The utopian impulse in popular literature: Gothic romances and "feminist" protest. *American Quarterly*, 140-162.

Shahnon, A. (1989). *Gubahan novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.